

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Ust. Dato' Dr. Mohd.
Khairuddin bin Aman Razali
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 61

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan faktor pendesak FELCRA menceburi bidang hartanah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Tuan Yang Dipertua, faktor pendesak FELCRA Berhad menceburi bidang harta tanah adalah kerana FELCRA Berhad menyedari pergantungan hanya kepada sektor pertanian sahaja mendedahkan syarikat kepada risiko yang amat tinggi kerana ketidakstabilan harga komoditi kelapa sawit dan getah di pasaran.

Oleh yang demikian, FELCRA Berhad telah merangka dua (2) strategi pelan perniagaan untuk mengukuhkan, memperbesarkan aktiviti sedia ada selain mempelbagaikan aktiviti-aktiviti perniagaan Syarikat. Dengan menceburi sektor harta tanah, ia dijangka dapat memberi pulangan yang lebih tinggi kerana FELCRA Berhad mempunyai beberapa aset tanah milik yang strategik di beberapa lokasi di seluruh negara untuk tujuan tersebut.